



KEMENTERIAN  
ALAM SEKITAR DAN AIR  
Ministry of Environment and Water

## SOALAN LAZIM (FAQ) PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) JABATAN ALAM SEKITAR

### 1 Bilakah operasi pejabat JAS akan dimulakan sepanjang tempoh PKPB ini?

Pejabat JAS di seluruh Negara akan memulakan operasinya bermula pada **4 Mei 2020 (Isnin)** dalam keadaan kawalan yang digariskan melalui Surat Edaran JPA Rujukan JPA.Saraan(S)256/6/31 Jld.6 (6) bertarikh 2 Mei 2020. Sebarang perubahan yang diarahkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai tempoh operasi ini akan dimaklumkan dari masa ke semasa.

### 2 Bagaimanakah orang awam boleh berurusan di kaunter pejabat JAS?

Tempoh perkhidmatan di kaunter pejabat JAS bermula dari jam **8.00 pagi sehingga jam 2.00 petang** untuk memastikan urusan pelanggan/ surat menyurat/ panggilan telefon dapat dilaksanakan dengan teratur.

Namun begitu perjumpaan secara bersemuka dengan pegawai JAS adalah tidak dibenarkan. Sebaliknya pelanggan boleh menggunakan emel, perkhidmatan atas talian (online) dan panggilan telefon untuk berurusan.

Pelanggan diingatkan untuk mematuhi SOP dengan mengawal penjarakkan sosial, memakai penutup mulut dan hidung, sentiasa menggunakan *hand sanitizer* dan mengelakkan dari berkumpul di dalam pejabat.



Jabatan Alam Sekitar



## SOALAN LAZIM (FAQ) PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) JABATAN ALAM SEKITAR

3

**Bagaimana orang awam boleh menghubungi Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi sebarang pertanyaan atau aduan mengenai alam sekitar?**

Orang awam yang ingin mengemukakan aduan berkaitan sebarang pencemaran di bawah bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar (JAS) boleh menghubungi **Bilik Kawalan Operasi JAS** di talian **03-8889 1972** atau talian hotline bebas tol **1-800-88-2727** yang beroperasi setiap hari selama 24 jam.

Aduan juga boleh disalurkan secara atas talian melalui sistem e-aduan yang boleh diakses melalui capaian berikut <https://eaduan.doe.gov.my>. Aduan juga boleh disalurkan melalui emel kepada [aduan\\_k@doe.gov.my](mailto:aduan_k@doe.gov.my).

4 **Bagaimana pelanggan JAS boleh mengakses sistem pelaporan atas talian bagi melaporkan status pematuhan dan operasi?**

Semua sistem pelaporan atas talian JAS iaitu *Electronic Schedule Waste Information System (ESWIS)*, *Online Environmental Reporting (OER)*, *Sistem Environmental Mainstreaming Tools (EMAINS)*, *Integrated Remote Monitoring System (iRemote)*, *Continuous Emission Monitoring System (CEMS)* dan *Vehicle Type Approval (VTA)* masih beroperasi seperti biasa dan akan terus dipantau oleh JAS.

Selain itu, bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) JAS terkini juga boleh diakses melalui <http://apims.doe.gov.my> atau dengan memuat turun aplikasi rasmi MyIPU di Android Google Play dan di Apple App Store. Sekiranya terdapat masalah capaian kepada sistem, boleh terus disalurkan permasalahan tersebut melalui <https://eaduan.doe.gov.my>.





## SOALAN LAZIM (FAQ) PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) JABATAN ALAM SEKITAR

5

**Bolehkah pelanggan menjelaskan tawaran kompaun, lesen pelanggaran dan bagaimanakah kaedahnya sepanjang tempoh PKPB?**

Pembayaran untuk menjelaskan kompaun yang diterima boleh dilaksanakan di semua kaunter pejabat JAS Negeri melalui temujanji awal bagi mengelak sebarang kesulitan. Pelanggan juga digalakkan untuk membuat pembayaran melalui cek di atas nama Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling.

6

**Bagaimanakah status piagam pemprosesan bagi Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) dan pemprosesan input pembangunan yang sedang diproses oleh JAS sepanjang tempoh PKPB?**

Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) dan pemprosesan input pembangunan yang sedia ada masih diproses oleh JAS. Namun tarikh tamat tempoh piagam pemprosesan akan disemak semula berikutan PKPB yang sedang berkuatkuasa sekarang ini.

Maklumat tambahan yang perlu dikemukakan selepas Mesyuarat *EIA Technical Review Committee (EIATRC)* yang telah diadakan boleh dikemukakan melalui emel kepada pegawai penilai di JAS Ibu Pejabat atau JAS Negeri seperti **Senarai Alamat E-mel JAS** di bawah.





# SOALAN LAZIM (FAQ) PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) JABATAN ALAM SEKITAR

Sebarang dokumen Bidang Rujukan (Terms Of Reference, TOR), Laporan EIA, Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) atau input pembangunan yang baharu boleh dikemukakan di semua pejabat JAS.

## Senarai Alamat E-mel JAS

Bil.	JAS Ibu Pejabat dan JAS Negeri	Alamat E-mel
1.	Bahagian Penilaian, JAS Ibu Pejabat	eiapenilaian@doe.gov.my
2.	JAS Perlis	eiaperlis@doe.gov.my
3.	JAS Kedah	eiakedah@doe.gov.my
4.	JAS Perak	eiaperak@doe.gov.my
5.	JAS Pulau Pinang	eiapenang@doe.gov.my
6.	JAS Selangor	eiaselangor@doe.gov.my
7.	JAS WP Kuala Lumpur	eiawpkl@doe.gov.my
8.	JAS Pahang	eiapahang@doe.gov.my
9.	JAS Kelantan	eiakelantan@doe.gov.my
10.	JAS Terengganu	eiaterengganu@doe.gov.my
11.	JAS Melaka	eiamelaka@doe.gov.my
12.	JAS Negeri Sembilan	eian9@doe.gov.my
13.	JAS Johor	eiajohor@doe.gov.my
14.	JAS Sabah	eiasabah@doe.gov.my
15.	JAS Sarawak	eiasarawak@doe.gov.my
16.	JAS WP Labuan	eiawplabuan@doe.gov.my





## SOALAN LAZIM (FAQ) PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) JABATAN ALAM SEKITAR

7

**Adakah JAS akan melaksanakan sebarang Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal bagi membincangkan permohonan berkaitan TOR, EIA, EMP dan Input Pembangunan dalam tempoh PKPB?**

Merujuk kepada pemakaian SOP yang berkuatkuasa, JAS tidak akan melaksanakan sebarang mesyuarat / pertemuan / perbincangan secara fizikal dengan jumlah kehadiran yang ramai dan di dalam bilik yang padat yang sukar mengawal penjarakan sosial.

Walau bagaimanapun, Jabatan ini akan melaksanakan mesyuarat *EIA Technical Review Committee (EIATRC)* secara atas talian. Semua penggerak projek dan jururunding EIA perlu bersedia untuk menghadiri mesyuarat secara atas talian bersama-sama Jabatan Alam Sekitar dan agensi teknikal lain.

Pelanggan dinasihatkan untuk melaksanakan penyelarasan dengan pegawai penilai mengenai kaedah yang lebih praktikal seperti perbincangan melalui aplikasi dalam talian, *video conferencing*, perbualan telefon dan komunikasi di dalam talian bagi proses mendapatkan maklumat berkaitan permohonan yang dikemukakan.





## SOALAN LAZIM (FAQ) PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) JABATAN ALAM SEKITAR

8

**Bolehkah pelanggan JAS mengemukakan notifikasi alat kawalan pencemaran, permohonan lesen pelanggaran, permohonan lesen di bawah Seksyen 18, AKAS, 1974 melalui kaunter?**

Pelanggan boleh mengemukakan sebarang permohonan yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 (Akta 127) di kaunter JAS dalam tempoh waktu operasi yang ditetapkan dengan mematuhi SOP berurusan di kaunter yang telah ditetapkan.

Pelanggan juga digalakkan menggunakan perkhidmatan pos dan notifikasi melalui email kepada pegawai pemproses bagi tujuan penyelarasan. Senarai nama pegawai pemproses boleh disemak melalui direktori pegawai di [www.doe.gov.my](http://www.doe.gov.my).

Permohonan-permohonan untuk pemprosesan oleh JAS:

Bil.	Perkara
1.	Permit/Ulasan/Notifikasi Import & Eksport Buangan Terjadual & Bahan Kimia.
2.	Pelupusan Buangan Terjadual di bawah Pengurusan Khas Buangan Terjadual.
3.	Lesen Pelanggaran di bawah Peraturan 25, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 (PUB 2014).
4.	Lesen kilang kelapa sawit mentah di bawah Seksyen 16, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.
5.	Kebenaran Bertulis Premis dan Pembawa Yang Ditetapkan di bawah Seksyen 19, Akta Kualiti Alam Sekeliling.





## SOALAN LAZIM (FAQ) PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) JABATAN ALAM SEKITAR

Bil.	Perkara
6.	Kebenaran Bertulis Premis dan Pembawa Yang Ditetapkan di bawah Seksyen 19, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.
7.	Pemberitahuan bertulis sistem pengolohan kumbahan atau sistem pengolohan efluen atau sistem pengolohan larut resapan atau sistem kawalan pencemaran udara.
8.	Jenis kenderaan ( <i>Vehicle Type Approval-VTA</i> ) secara online.
9.	AP import & eksport (e-permit) HCFC/HFC/Halon melalui dagangnet.
10.	Pendaftaran pengimport dan pengeksport HCFC/HFC/Halon melalui atas talian.
11.	Data Kualiti Alam Sekitar (sungai, marin, air tanah, udara).
12.	Penggunaan Dispersant untuk Kawalan Tumpahan Minyak.

### 9 **Bagaimanakah status pemprosesan lesen Premis Yang Ditetapkan (PYDT) Buangan Terjadual yang tamat pada 30 April 2020 lalu?**

Pemprosesan lesen ini masih diteruskan dan lesen baharu akan dikeluarkan kepada pemohon bermula pada 1 Mei 2020. Pelesen digalakkan untuk membuat temujanji awal bagi urusan pelesenan bagi mengelak kesesakan pelanggan di pejabat JAS.





## SOALAN LAZIM (FAQ) PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) JABATAN ALAM SEKITAR

10 **Adakah JAS akan terus melaksanakan program dan aktiviti Komunikasi, Pendidikan, Kesedaran Awam (CEPA) Alam Sekitar seperti Rakan Alam Sekitar (RAS) sepanjang tempoh PKPB?**

Semua program dan aktiviti CEPA Alam Sekitar termasuk sesi libat urus akan dijalankan atas talian bagi mematuhi SOP norma baharu. Sebarang program yang melibatkan aktiviti perkumpulan awam sepanjang tempoh PKPB ini adalah tidak dibenarkan.

Pendaftaran keahlian RAS masih boleh dilaksanakan atas talian melalui <https://ras.doe.gov.my>

11 **Adakah perkhidmatan Perpustakaan JAS dibuka dalam tempoh PKPB ini?**

Bagi mematuhi SOP yang dikeluarkan, Perpustakaan JAS adalah tidak dibuka.

Namun orang awam boleh mendapatkan maklumat alam sekitar atas talian melalui laman web JAS, *Enviro Knowledge Management Centre (EKMC)*, *Enviro Library*, *Enviro Museum* dan jaringan media sosial seperti Facebook JAS & Facebook Rakan Alam Sekitar (RAS), YouTube JAS, Instagram dan Twitter yang menjadi platform utama mendekatkan JAS dengan pelanggannya semasa tempoh PKPB ini.







## SOALAN LAZIM (FAQ) PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) JABATAN ALAM SEKITAR

12

**Adakah kursus dan latihan kompetensi yang dilaksanakan oleh Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS) akan diteruskan di dalam tempoh PKPB ini?**

Bagi mematuhi SOP yang dikeluarkan, JAS akan mematuhi kaedah yang ditetapkan dengan menangguhkan semua aktiviti kursus dan latihan yang dianjurkan secara perkumpulan awam.

Walau bagaimanapun, penilaian *Field Training Reports* (FTR) untuk pensijilan Orang Yang Berwibawa (OYB) dan temuduga Program Pensijilan Industri akan diteruskan. Pelanggan dinasihatkan untuk menyemak sebarang perkembangan terkini melalui laman web EiMAS di [www.doe.gov.my/eimasv2](http://www.doe.gov.my/eimasv2).

